



JABATAN PENGAJIAN TINGGI

BAHAGIAN GOVERNAN IPTS

ARAS BAWAH BLOK 1, MENARA PJH, PRESINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62505 PUTRAJAYA
Tel : (603) 8884 5000/4623 Faks : (603) 8884 4650 Web : <http://www.mohe.gov.my>



Copy to SL

Rujukan Kami

: JPTIGS/000-606 (4)
ACCOUNTS/HR DEPT
04 NOV 2010

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pengajian Tinggi Swasta

BY:.....
**SURAT PEKELILING SEKTOR PENGURUSAN IPTS, JABATAN PENGAJIAN
TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

BIL. 5/2010

**SIJIL NO OBJECTION CERTIFICATE (NOC) KE ATAS PELAJAR-PELAJAR
DARI NEGARA SUB SAHARA**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua ketua eksekutif IPTS berkenaan syarat wajib sijil *No Objection Certificate* (NOC) yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar dari negara Sub-Sahara yang ingin melanjutkan pengajian diperingkat Diploma, Ijazah, Sarjana dan PhD di Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Hasrat Kementerian Pengajian Tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa telah dinyatakan dalam teras ke lima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Diantara usaha yang sedang dilakukan bagi menterjemahkan hasrat tersebut ialah dengan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di negara ini. Menyedari wujudnya isu sampingan kesan dari kemasukan pelajar antarabangsa ini, khususnya dari negara Sub-Sahara. Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat keputusan untuk mengambil langkah-langkah kawalan bagi menjamin imej baik dan Kementerian Pengajian Tinggi Swasta di negara ini tidak dipersoalkan, sama ada di dalam ataupun di luar negara.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Kementerian Pengajian Tinggi memutuskan untuk mengenakan syarat wajib NOC kepada semua pelajar yang berasal dari negara Sub-Sahara yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian di negara ini.
4. Syarat wajib NOC ini juga dikenakan kepada pelajar-pelajar dari negara lain yang menerima pendidikan dan menggunakan kelayakan akademik dari negara-negara Sub-Sahara untuk melanjutkan pengajian di negara ini.
5. Salinan contoh dokumen NOC dan senarai negara-negara yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.
6. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab semua ketua eksekutif IPTS untuk memastikan IPTS masing-masing mematuhi surat pekeliling ini.


KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling Mewajibkan Syarat Sijil NOC Ke Atas Pelajar-Pelajar Dari Negara Sub-Sahara ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI)
Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tarikh : 30 September 2010

(NAME OF COUNTRY'S AUTHORITY)

This is to certify that

(NAME)

Is a citizen of _____ (NAME OF COUNTRY) and

a holder of Passport Number _____

Document evidences had been produced stating

That he/she had fulfilled the minimum academic qualification requirements

to pursue his/her studies in:

(PROGRAMME, UNIVERSITY & ACADEMIC YEAR)

The _____ (NAME OF COUNTRY'S AUTHORITY)

Has no objection for the student to pursue the

intended course.

(SIGNATURE & OFFICER'S NAME)
(NAME OF COUNTRY'S AUTHORITY)

Date:

Reference No:

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia

Timbalan Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
Kementerian Pengajian Tinggi

Semua Pengarah Bahagian
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

LIST OF COUNTRIES OF SUB-SAHARAN AFRICA

1. Angola
2. Benin
3. Botswana
4. Burkina Faso
5. Burundi
6. Cameroon
7. Cape Verde
8. Central African Republic
9. Chad
10. Comoros
11. Congo
12. Cote d'Ivoire
13. Democratic Republic of the Congo
14. Equatorial Guinea
15. Eritrea
16. Ethiopia
17. Gabon
18. Gambia
19. Ghana
20. Guinea
21. Guinea-Bissau
22. Kenya
23. Lesotho
24. Liberia
25. Madagascar
26. Malawi
27. Mali
28. Mozambique
29. Namibia
30. Niger
31. Nigeria
32. Rwanda
33. Soa Tome and Principe
34. Segegal
35. Seychelles
36. Sierra Leone
37. Somalia
38. South Africa
39. Swaziland
40. Togo
41. Uganda
42. United Republic of Tanzania
43. Zambia
44. Zimbabwe

